

# myLibrary

PERPUSTAKAAN SULTAN ABDUL SAMAD

BILANGAN 25

## Majlis Perasmian Anjung Ilmu PSAS dan Bual Bicara: Menelusuri 50 Tahun UPM sempena Sambutan Jubli Emas UPM



Wacana Ilmu: Menelusuri Keunikan Koleksi Nadir - muka 5

**Perpustakaan UPM bantu jayakan program galakan membaca** - muka 7  
**di Sekolah Dato' Abdul Razak, Negeri Sembilan**

*Lawatan Penandaarasan PSAS ke UKM dan USM bagi Pelaksanaan Perkhidmatan  
Permohonan Artikel Teks Penuh dan Open Science & Research Data Management* - muka 8

Pameran Karya Kreatif (Sajak) UPM dalam Menyokong Dekad Bahasa Kebangsaan - muka 12

# Pembuka Bicara....

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Tahun 2022 melihat UPM terus 'Sederap Melangkah Menuju Al-Falah' melalui 11 Aspirasi Naib Canselor. Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) juga turut mengorak langkah dalam merealisasikan aspirasi kampus pintas yang bakal membentuk pelajar UPM yang bitara. Demi menyokong dasar ini, ruang bacaan Blok B PSAS telah dinaiktaraf sebagai Anjung Ilmu dengan menyediakan kemudahan dan ruang yang lebih kondusif kepada pengguna. Perkhidmatan Perpustakaan meneruskan kepelbagaian platform digital bagi memastikan penyampaian maklumat dapat disalurkan dengan menyeluruh. Pelbagai aktiviti Perpustakaan dilaksanakan seperti Program Pengembangan (Jaringan Komuniti), Program Literasi Maklumat Pelajar Baharu dan pelbagai program perkongsian ilmu yang melibatkan warga UPM dan Umum.

Bulan Ramadhan dan Syawal yang baharu berlalu juga telah disyukuri dan disambut dengan penuh kesederhanaan selepas dua tahun disambut dalam situasi pandemik. Diharap kepelbagaian perkhidmatan PSAS dan inovasi yang telah digarap akan dapat diteruskan secara berhemah mengikut keperluan warga UPM.

Salam hormat.

NORFAEZAH KHOMSAN  
Editor  
norfaezah@upm.edu.my

## SIDANG PENGARANG

Penaung  
**Muzaffar Shah Kassim**

Penasihat  
**Roslan Ariffin**

Ketua Editor  
**Nazibah Kamaruddin**

Editor  
**Norfaezah Khomsan**  
**Mohd Dasuki Sahak**  
**Hazlindah Basiron**  
**Nursyafinaz Mohd Noh**

Penulis  
**Staf PSAS**

Jurufoto  
**Mohd Izarudin Idris**

Pereka Grafik  
**Suzaini Mohamad Kasim**

Pengedaran  
**Nur Farhana Abdullah**

## ISI KANDUNGAN

### BERITA UTAMA

Majlis Perasmian Anjung Ilmu PSAS dan Bual Bicara: Menelusuri 50 Tahun UPM sempena Sambutan Jubli Emas UPM 3

### BERITA

Majlis Amanat Ketua Pustakawan 2022 4  
Wacana Ilmu: Menelusuri Keunikan Koleksi Nadir 5  
Pertandingan Jejak Maklumat Atas Talian @PSAS 2021 6  
Program Literasi Maklumat: Semester Kedua, Sesi 2021/2022 6

### KOLABORASI UPM

Program Pengembangan (Jaringan Komuniti): Pemantapan Pusat Sumber Sekolah, Sekolah Dato' Abdul Razak, Negeri Sembilan 7  
Perpustakaan UPM bantu jayakan program galakan membaca di Sekolah Dato' Abdul Razak, Negeri Sembilan 7

### KEMBARA ILMU

Lawatan Penandaarasan PSAS ke UKM dan USM bagi Pelaksanaan Perkhidmatan Pay Per View dan Open Science & Research Data Management 8  
Lawatan Panel Penilaian Akreditasi Penuh Program Ijazah Doktor Perubatan (MQA/FA 4976) 9

Lawatan dari Pusat Sains Negara ke PSAS 9

### AKTIVITI PERPUSTAKAAN

Program Pemindahan Ilmu: Tutorial Asas Microsoft Word dan PowerPoint 10  
Perpustakaan UPM anjurkan "Bengkel Pembangunan Sistem Terbuka KOHA 2022" 10  
Webinar on Writing Your Thesis and Manage Your Articles Efficiently 10  
Program Jom Baca Bersama 10 Minit 2022 Peringkat UPM 11  
Pameran Karya Kreatif (Sajak) UPM dalam Menyokong Dekad Bahasa Kebangsaan 12  
Pameran Cakna Keselamatan Siber 12

### RENCANA UMUM

Research Data Management 13  
Memori PSAS 14  
Ways For Library To Utilize TikTok Untuk Seketika 16

### AKTIVITI JAWATANKUASA MEDIA SOSIAL

Video Raya PSAS 18

### AKTIVITI KELAB PSAS

Selamat Pengantin Baru Staf PSAS 18  
Majlis Penyerahan Wang Sumbangan Mangsa Banjir PSAS 19

## STAF BAHARU DAN BERSARA

### Staf Bersara :



Puan Azizah Zainal Abidin  
Timbalan Ketua  
Pustakawan (S52)  
Tarikh bersara: 10/01/2022



Tuan Haji Shaiful Yazam Mat  
Timbalan Ketua  
Pustakawan Kanan (S54)  
Tarikh bersara: 10/02/2022

### Staf Baharu :



Encik Muhammad Izhar  
Ruslan  
Pustakawan (S41)



Encik Syamsolanuar  
Abu Safian  
Penolong Jurutera (JA29)



Cik Adni Suhaida Zon  
Pembantu Pustakawan  
(S19)

## MYLIBRARY (BILANGAN 25)



MyLibrary merupakan Berita Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS), Universiti Putra Malaysia (UPM). Penerbitan ini bertujuan menyampaikan informasi berkaitan perkhidmatan, kemudahan dan aktiviti di PSAS. Sila hantar sumbangan idea dan inspirasi kreatif anda bagi meningkatkan mutu penerbitan MyLibrary melalui saluran komunikasi berikut:

**Ketua Editor MyLibrary**  
Bahagian Korporat dan Latihan Staf  
Perpustakaan Sultan Abdul Samad  
Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM Serdang, Selangor.

Tel.: 03-97698607 / 7948  
Faks: 03-97694773



Serdang, 18 Dis 2021 – Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS), UPM telah mengadakan Majlis Perasmian Anjung Ilmu pada 13 Disember 2021 yang disempurnakan oleh Pengerusi Lembaga Pengurusan Universiti (LPU), YAM Tengku Syarif Laksamana Perlis Dato' Seri DiRaja Syed Razlan Syed Putra Jamalullail. Turut hadir di sesi perasmian, Naib Canselor UPM, YH Prof. Dato' Dr. Mohd Roslan Sulaiman, Ketua Pustakawan UPM, Encik Muzaffar Shah Kassim, Pegawai Kanan UPM, kakitangan dan para pelajar.

Dalam ucapan aluan, Ketua Pustakawan, Encik Muzaffar Shah Kassim memaklumkan bahawa Anjung Ilmu adalah projek kerjasama antara PSAS, UPM dan Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN). Dana permulaan projek ini adalah sumbangan daripada WAZAN dan selebihnya adalah hasil daripada usaha penajaan pendapatan PSAS. Keluasan ruang lantai yang berukuran kira-kira 1,677 meter persegi dengan konsep reka bentuk dalaman 'Learning Common' merupakan persekitaran pembelajaran santai dan moden yang digemari oleh generasi kini.

Manakala dalam ucapan perasmian, YAM Tengku Syarif Laksamana Perlis Dato' Seri

DiRaja Syed Razlan Syed Putra Jamalullail teruja dengan transformasi yang telah dilakukan selepas 50 tahun yang lalu dan berbesar hati untuk menyampaikan sumbangan sebanyak RM 5,000.00 sebagai satu inisiatif untuk menggalakkan alumni UPM turut sama menyumbang. Kemuncak kepada majlis perasmian ini adalah acara menandatangani plak perasmian Anjung Ilmu yang disempurnakan oleh YAM Tengku Syarif Laksamana Perlis Dato' Seri DiRaja Syed Razlan Syed Putra Jamalullail. Majlis juga turut diserikan dengan persembahan nyanyian dan tarian tradisional daripada pelajar-pelajar UPM.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan sesi 'Bual Bicara: Menelusuri 50 Tahun UPM'. Dua ahli panel dijemput iaitu YAM Tengku Syarif Laksamana Perlis Dato' Seri DiRaja Syed Razlan Syed Putra Jamalullail dan Naib Canselor UPM, YH. Prof. Dato' Dr. Mohd Roslan Sulaiman. Manakala, Prof. Dato' Dr. Muat'ti @ Zamri Ahmad, Dekan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), UPM bertindak sebagai moderator.

YAM Tengku Syarif Laksamana Perlis Dato' Seri DiRaja Syed Razlan Syed

Putra Jamalullail melalui perkongsiannya menyatakan, universiti mempunyai peranan yang besar dalam membentuk pelajar menjadi agen transformasi pada masyarakat.

YH. Prof. Dato' Dr. Mohd Roslan Sulaiman pula berkongsi pandangan beliau terhadap perubahan tingkah laku pembelajaran pelajar daripada generasi terdahulu ketika UPM masih dikenali sebagai Universiti Pertanian Malaysia sehingga kini. Sebagai kesimpulan, penghasilan bilangan graduan berkualiti yang dihasilkan oleh universiti perlu ditekankan bukan sekadar memberi tumpuan kepada kedudukan QS universiti.

Majlis diakhiri dengan penyampaian cenderahati oleh Encik Muzaffar Shah Kassim sebagai tanda penghargaan kepada ahli panel dan moderator. Diharapkan pelajar dan kakitangan UPM mendapat manfaat daripada transformasi Anjung Ilmu ini.

Oleh: Pechai A/P Sivakumaran, Selena John Kennedy, dan Nurraihan Abdul Aziz (Pelajar Latihan Industri PSAS) dan Mohd Dasuki Sahak (Pustakawan Kanan, Bahagian Korporat dan Latihan Staf



Acara menandatangani plak Anjung Ilmu oleh Pengerusi Lembaga Pengurusan Universiti, YAM Tengku Syarif Laksamana Perlis Dato' Seri DiRaja Syed Razlan Syed Putra Jamalullail.

Majlis pemotongan reben oleh Pengerusi Lembaga Pengurusan Universiti (LPU), YAM Tengku Syarif Laksamana Perlis Dato' Seri DiRaja Syed Razlan Syed Putra Jamalullail.

# Majlis AMANAT KETUA PUSTAKAWAN 2022

ENCIK MUZAFFAR SHAH KASSIM

17 Mac 2022 | 9.30 pagi  
Khamis



Serdang, 21 Mac - Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) telah mengadakan Majlis Amanat Ketua Pustakawan 2022 sebagai platform tahunan bagi perkongsian maklumat, pencapaian dan halatuju PSAS bagi tahun 2022.

Ketua Pustakawan, Encik Muzaffar Shah Kassim dalam ucapan beliau telah membentangkan pencapaian bagi tahun 2021 termasuk petunjuk prestasi utama (KPI) dan prestasi keseluruhan perkhidmatan perpustakaan. Beliau menekankan PSAS perlu sentiasa bersedia memainkan peranan dan berevolusi selaras dengan keperluan pengguna. Beliau turut membentangkan sistem dan aplikasi baharu yang telah dibangunkan di tahun 2021 antaranya ialah Perkhidmatan Pembekalan Dokumen secara Dalam Talian, Pertanyaan rujukan secara dalam talian (Online Chat, Facebook dan Twitter), Perkhidmatan Book De dan Program e-Resources Awareness: Your FYP Preparation. Manakala, portal


yang sedang di dalam pembangunan seperti Portal Project Bachelor, Portal Putra Open Educational Resources (OER) dan PSAS Librooms diharap dapat membantu meningkatkan kepelbagaian perkhidmatan Perpustakaan dan memudahkan capaian maklumat oleh pengguna.

Beliau turut memaklumkan peningkatan bagi perkhidmatan penyelidikan dan akses kepada pangkalan data dan e-buku bagi tahun 2021. Pengukuhan sumber elektronik turut ditambahbaik dengan 145,596 rekod telah ditambah pada UPM IR, UPM eTHESIS, UPM Agris dan Memory@Serdang. Portal Agri@UPM telah dibangunkan bagi pengukuhan kandungan digital bagi subjek pertanian dengan kumulatif 36 topik yang turut dilengkapi dengan pelbagai sumber. Manakala bagi menyokong aspirasi STAR Library iaitu Smart, Technology, Advanced and Relevant Library, PSAS telah menambah perkakasan persidangan video, Kindle ebook, Smart

Projector, Smart Television dan menaik taraf EAS Security Gate di Perpustakaan Kampus Bintulu.

Majlis yang telah dihadiri seramai 135 orang peserta ini seterusnya dimaklumkan dengan perancangan bagi tahun 2022. Projek STAR Library diteruskan dengan penyediaan Digital Reading Area, PSAS Mobile Apps 2.0, Archive Management System, transformasi ruang koleksi khas dan pembangunan Arkib dan Galeri. Antara inisiatif warga PSAS yang akan terus dijayakan pada 2022 ialah Projek Sejarah Lisan UPM dan Amalan EKSA PSAS. Pelbagai projek multimedia juga turut dirancang dilaksanakan pada 2022 iaitu Projek Virtual Tour PSAS, pembangunan video korporat baharu dan pembangunan kandungan multimedia Program Literasi Maklumat.

Oleh: Norfaezah Khomsan (Pustakawan Kanan, Bahagian Korporat dan Latihan Staf)




Gambar berkumpul peserta yang hadir secara dalam talian.



Inovasi perkhidmatan perpustakaan dalam pembangunan sistem aplikasi.



Antara perancangan tahun 2022.



Pertambahan rekod maklumat pangkalan data sumber elektronik melalui portal perpustakaan.



Wacana Ilmu:

# Menelusuri Keunikan Koleksi Nadir

Serdang, 30 Mac 2022 - Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) berhasrat untuk membangunkan Koleksi Nadir Pertanian di Koleksi Khas PSAS dan Koleksi Nadir Borneo di Perpustakaan Kampus Bintulu Sarawak (PKBS). Sehubungan itu, Sesi Wacana Ilmu: Menelusuri Keunikan Koleksi Nadir telah dianjurkan sebagai usaha mendapatkan kefahaman mengenai Koleksi Nadir. Sesi ini diadakan secara dalam talian menggunakan aplikasi Zoom telah menarik seramai 111 peserta dari dalam dan luar Universiti Putra Malaysia (UPM).

Sesi Wacana Ilmu dimulakan dengan ucapan aluan daripada Cik Haslina Abu Seman, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan (Perkhidmatan). Dalam ucapannya, beliau menyambut baik usaha membangunkan Koleksi Nadir Pertanian dan Koleksi Nadir Borneo ini. Beliau berharap dengan adanya koleksi yang mempunyai nilai sejarah ini akan menjadi sumber rujukan yang berguna kepada masyarakat umum dan para penyelidik.

Sesi diteruskan dengan perkongsian yang menarik daripada 3 orang penceramah jemputan dari Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) iaitu

Encik Tamimi Taib, Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Pemuliharaan, Puan Noor Hazwani Warrmal, Penolong Pengarah, Unit Perolehan Koleksi Khas, Bahagian Pembinaan Koleksi dan Puan Rabiah Mohd Ali, Penolong Pengarah, Unit Koleksi Khas, Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara. Para penceramah telah memberikan penerangan yang terperinci dan jelas mengenai Koleksi Nadir meliputi pembangunan, pengurusan dan pemuliharaan koleksi.

Perkongsian ilmu selama hampir 4 jam ini telah memberi kesedaran betapa pentingnya pembangunan Koleksi Nadir dalam usaha memelihara bahan tersebut, sekaligus sebagai bukti kewujudan warisan intelektual serta ketamadunan negara kita. Selain itu, dapat meningkatkan kefahaman mengenai tujuan dan kepentingan pembangunan Koleksi Nadir kepada para peserta.

Oleh: Hazlindah Basiron (Pustakawan Kanan, Bahagian Sumber Pertanian Malaysia) dan Azwana Ab Rahman (Ketua, Bahagian Sumber Pertanian Malaysia)

ANJURAN PERPUSTAKAAN SULTAN ABDUL SAMAD UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA	
Tarikh : 30 Mac 2022 (Rabu)   Masa: 9.00 pagi - 1.00 tengah hari Platform: Zoom Meeting   Meeting ID: 956 8327 4900   Passcode: 628418	
9.00 pagi	Pengenalan
9.15 – 10.15 pagi	<b>Pembangunan Koleksi Nadir</b> Puan Noor Hazwani binti Warrmal, Penolong Pengarah, Unit Perolehan Koleksi Khas, Bahagian Pembangunan Koleksi (BPK), PNM
10.15 – 10.25 pagi	Sesi soal jawab
10.25 – 11.25 pagi	<b>Pengurusan Koleksi Nadir</b> Puan Rabiah binti Mohd Ali, Penolong Pengarah, Unit Koleksi Khas, Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara (PRMLN), PNM
11.25 – 11.35 pagi	Sesi soal jawab
11.35 – 2.35 thari	<b>Pemuliharaan Koleksi Nadir</b> Encik Tamimi bin Taib, Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Pemuliharaan (BP), PNM
12.35 – 12.45 thari	Sesi soal jawab
12.45 – 12.50 thari	<b>Video Koleksi Nadir di Aras 10,</b> Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara, PNM
12.50 thari	Penutup



Gambar berkumpulan antara peserta yang hadir secara dalam talian

## Pertandingan Jejak Maklumat Atas Talian@ PSAS 2021

UPM, 10 Disember 2021 - Sempena Sambutan Perayaan Jubli Emas 50 tahun UPM, Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) telah menganjurkan "Pertandingan Jejak Maklumat Atas Talian@PSAS 2021" pada 8 hingga 12 November 2021 yang lalu.

Pertandingan ini telah menerima sebanyak 105 penyertaan dari warga UPM bagi meningkatkan pengetahuan mengenai sejarah, tokoh dan pencapaian UPM. Tiga hadiah utama dan saguhati telah disampaikan kepada pemenang yang bertuah seperti berikut:

### Pemenang

1. Tempat Pertama: **Cik Tan Shu Jia** (Fakulti Kejuruteraan)
2. Tempat Kedua: **Cik Fatin binti Abdul Rahman** (Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar)
3. Tempat Ketiga: **Cik Nur Afiqah binti Baharudin** (Fakulti Sains)

### Saguhati

1. **Cik Nurul Syahirah binti Muhamad Halme** (Fakulti Ekologi Manusia)
2. **Dr. Frisco bin Nobilly** (Fakulti Pertanian)
3. **Encik Muhammad Ammar Danial bin Mazlan** (Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat)

Oleh: Rusniah Sayuti (Pustakawan Kanan, Bahagian Rujukan) dan Mohd Dasuki Sahak (Pustakawan Kanan, Bahagian Korporat dan Latihan Staf)

**#WeLoveUPM**

## JEJAK MAKLUMAT ATAS TALIAN @PSAS 2021

Sempena Sambutan Perayaan Jubli Emas 50 Tahun UPM  
**8<sup>th</sup> – 12<sup>th</sup> NOVEMBER 2021**

Sila imbas di QR CODE JEJAK MAKLUMAT

SCAN ME

ATAU  
Klik pautan di bawah  
<https://forms.gle/xyUn1GGw8JpEETZKA>

Maklumat lanjut hubungi:  
Puan Rusniah Sayuti / Tel: 03-97698625  
Puan Norhafizah Abdul Latif / Tel: 03-97698446  
E-mel: psas\_plm@upm.edu.my

**HADIAH BAGI PEMENANG PERTANDINGAN:**

Tempat Pertama : **RM125**  
Tempat Kedua : **RM100**  
Tempat Ketiga : **RM75**  
Saguhati : **3 x hadiah**  
Semua Peserta : **e-Sijil Penyertaan**

**MAKLUMAT PERTANDINGAN:**

1. Soalan kuiz mengenai UPM.
2. Pertandingan terbuka kepada semua warga UPM secara individu kecuali pekerja Perpustakaan Sultan Abdul Samad, UPM.
3. Pemenang pertandingan akan dipilih oleh pihak Jawatankuasa dan keputusan adalah muktamad.
4. Pemenang pertandingan akan dimaklumkan melalui e-mel oleh pihak Jawatankuasa. Oleh itu, pastikan maklumat penyertaan adalah tepat.
5. Pemenang yang tidak dapat dihubungi dalam tempoh 24 jam selepas tempoh pemilihan akan dibatalkan dan diganti dengan pemenang lain.

@upmlib @upm.library @upmlibrary

PERTANIAN . INOVASI . KEHIDUPAN

BERILMU BERBAKTI  
WITH KNOWLEDGE WE SERVE

www.lib.upm.edu.my | www.upm.edu.my

**Library**

## INFORMATION LITERACY PROGRAMME

FOR NEW POSTGRADUATE STUDENTS  
(SECOND SEMESTER 2021/2022)

Perpustakaan Sultan Abdul Samad  
Universiti Putra Malaysia

ONLINE CLASSES

Register NOW

Date : 28<sup>th</sup> March - 8<sup>th</sup> April 2022  
Time : 10.00AM – 12.00PM | 2.30PM – 4.30PM

**Module:**

- Introduction to the Library
- Information Search Strategy
- Mendeley : Beginner
- Turnitin : Student
- Citation Indexed Journal

Any enquiries please contact us,  
No. Tel: +6012-6854465  
Email: rusniah@upm.edu.my  
Email: s\_radziah@upm.edu.my

@upmlib @upm.library @upmlibrary

AGRICULTURE . INNOVATION . LIFE

BERILMU BERBAKTI  
WITH KNOWLEDGE WE SERVE

www.lib.upm.edu.my | www.upm.edu.my

## Program Literasi Maklumat: Semester Kedua, Sesi 2021/2022

Serdang, 18 April 2022 - Perpustakaan Sultan Abdul Samad sentiasa peka dengan keperluan pengguna dalam mengakses koleksi dan menggunakan kemudahan perpustakaan. Justeru, pelbagai kelas ditawarkan kepada warga UPM yang merangkumi modul-modul seperti Strategi Pencarian Maklumat, Turnitin, Mendeley: Basic, Citation Indexed Journal (CIJ), dan Pangkalan Data Langganan. Kelas ini dijalankan sepanjang tahun, di mana tenaga pengajarnya terdiri daripada Pustakawan Penghubung Fakulti Bahagian Rujukan dan Perpustakaan Cawangan Kampus Serdang.

Sepanjang bulan Mac dan April, pihak Perpustakaan telah menganjurkan Kelas Kemahiran Maklumat Pelajar Prasiswazah, Program Literasi Maklumat : Pelajar Pascasiswazah Baharu, dan Kelas Pembekal. Kelas-kelas ini lazimnya dijalankan pada setiap awal semester baharu bagi memastikan pelajar mendapat maklumat terkini mengenai perpustakaan.

Jumlah keseluruhan penyertaan adalah seramai 2,049 orang. Pecahan kehadiran bagi setiap kelas adalah seperti berikut: Kelas Kemahiran Maklumat Pelajar Prasiswazah (218 orang), Program Literasi Maklumat : Pelajar Pascasiswazah Baharu (897 orang) dan Kelas Pembekal (934 orang).

Beradaptasi dengan perubahan dan situasi semasa, kelas-kelas Program Literasi Maklumat dilaksanakan secara dalam talian supaya pelajar dan staf berpeluang untuk mengikuti kelas tersebut di mana sahaja.

Oleh: Nabilah Mustapa, Azana Abd. Hadi dan Norhafizah Abdul Latif (Pustakawan Kanan, Bahagian Rujukan)

## Program Pengembangan (Jaringan Komuniti) : Pemantapan Pusat Sumber Sekolah, Sekolah Dato' Abdul Razak, Negeri Sembilan



Guru Kelas dan pelajar SDAR yang memenangi "Anugerah NILAM Terbaik Kelas" bergambar bersama Pengetua SDAR semasa penyampaian hadiah Minggu Pusat Sumber di Dataran Bestari, SDAR

Seremban, 1 September 2021 - Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) telah mengadakan Program Pengembangan (Jaringan Komuniti): Pemantapan Pusat Sumber Sekolah di Sekolah Dato' Abdul Razak (SDAR), Seremban, Negeri Sembilan sejak tahun 2019. Objektif utama program adalah memantapkan perkhidmatan dan sistem Pusat Sumber Sekolah. Secara khususnya, program kerjasama ini merangkumi aktiviti membangun dan mengemaskini portal perpustakaan digital dan penganjurkan Minggu Pusat Sumber

Sekolah. Pada 19 dan 26 Jun 2021, Webinar Pemantapan Portal Perpustakaan Digital bersama guru SDAR telah diadakan bagi membincangkan mengenai kandungan, halaman dan latihan secara amali untuk pembangunan portal perpustakaan digital.

Manakala, aktiviti "Minggu Pusat Sumber Sekolah" yang diadakan sepanjang bulan Ogos 2021 turut melibatkan pustakawan PSAS sebagai perunding program dan juri pertandingan. Sebagai tanda sokongan dan

kerjasama erat yang telah dijalin, PSAS telah berbesar hati menyampaikan sumbangan hadiah kepada lima pemenang Anugerah NILAM Terbaik Kelas.

Semoga program kerjasama seumpama ini mampu memberi motivasi kepada pelajar untuk terus mengamalkan budaya membaca dan memantapkan hubungan kerjasama PSAS dan SDAR.

Oleh: Mohd Dasuki Sahak (Pustakawan Kanan, Bahagian Korporat dan Latihan Staf)

## Perpustakaan UPM Bantu Jayakan Program Galakan Membaca di Sekolah Dato' Abdul Razak, Negeri Sembilan



Seremban, 24 Mei - Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS), Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menyampaikan sumbangan buku dan penanda buku kepada Sekolah Dato' Abdul Razak (SDAR), Negeri Sembilan.

Sumbangan ini disampaikan oleh Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Program Pengembangan (Jaringan Komuniti) Puan Azwana Ab Rahman kepada Pengetua SDAR Encik Mohd Noor Hakim Ismail dalam satu majlis ringkas di Perpustakaan Tun Hussein Onn, SDAR sempena "Pelancaran Dekad Membaca Kebangsaan dan Pempugaran Program Nilam Peringkat Sekolah" yang

diadakan pada 25 Mei 2022.

Bagi pihak PSAS, sumbangan ini merupakan kesinambungan kepada penglibatan PSAS dalam program khidmat masyarakat bersama SDAR sejak tahun 2019. Ianya selaras dengan Aspirasi Naib Canselor, UPM pada tahun 2022 untuk memperkukuh jaringan industri dan masyarakat melalui aktiviti pengembangan ilmu.

Manakala bagi pihak SDAR, sumbangan buku ini membantu memperkukuhkan lagi jumlah koleksi bahan bacaan di perpustakaan sekolah tersebut. Selain itu, penanda buku juga telah diedarkan kepada para pelajar sebagai bahan

promosi program dan motivasi kepada para pelajar SDAR untuk meningkatkan lagi minat membaca dalam kalangan pelajar.

Bagi memastikan hubungan kerjasama antara PSAS dan SDAR ini terus terjalin, pihak PSAS turut menjemput pengawas perpustakaan SDAR mengadakan lawatan ke PSAS untuk berkongsi ilmu berkaitan pengendalian perpustakaan sekolah.

Oleh Mohd Dasuki Sahak (Pustakawan Kanan, Bahagian Korporat dan Latihan Staf), Azwana Ab Rahman (Ketua Bahagian Sumber Pertanian Malaysia), Azana Abd. Hadi (Pustakawan Kanan, Bahagian Rujukan)



Tinjauan perkhidmatan PPV dan *Open Science Research Data Management* di Perpustakaan Hamzah sendut (PHS), USM

## Lawatan Penandaarasan PSAS ke UKM dan USM bagi Pelaksanaan Perkhidmatan Permohonan Artikel Teks Penuh (PPV) dan Science & Research Data Management

Bangi, 8 Februari 2022 - Satu lawatan penandaarasan dari Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) UPM ke Perpustakaan Tun Seri Lanang (PTSL), UKM telah diadakan pada 8 Februari 2022. Tujuan delegasi seramai 10 orang pustakawan yang diketuai oleh Timbalan Ketua Pustakawan Kanan (Perkhidmatan), Cik Haslina Abu Seman @ Talib ialah bagi melihat proses dan pelaksanaan perkhidmatan Permohonan Artikel Teks Penuh (PPV).

Pada sesi tersebut, ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh Timbalan Ketua Pustakawan UKM, Puan Zaidah Sulaiman dan taklimat telah diberikan oleh Ketua Unit Jurnal, Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Sumber Maklumat dan Ketua Unit Penyelidikan, Bahagian Pengurusan Perkhidmatan Maklumat. Antara topik perbincangan adalah proses perolehan artikel PPV, prosedur kerja serta perkongsian

pengalaman dan amalan terbaik pengurusan perolehan sumber maklumat dalam talian dan bercetak dari kedua-dua institusi.

Sementara itu dalam sesi berasingan iaitu pada 22 Februari 2022, lawatan penandaarasan ke Perpustakaan Hamzah Sendut (PHS), USM telah diadakan. Pada kali ini tujuan delegasi seramai lapan (8) orang pustakawan yang diketuai oleh Ketua Pustakawan, Encik Muzaffar Shah Kassim ialah bagi melihat proses PPV dan *Open Science & Research Data Management*.

Kehadiran delegasi dari UPM telah disambut oleh Ketua Pustakawan USM, Puan Rugayah Ali. Beliau memberikan ucapan alu-aluan dan seterusnya sesi taklimat mengenai PPV telah diberikan oleh Pustakawan Kanan Bahagian Rujukan & Perkhidmatan Digital Akademik. Banyak input yang telah diperolehi daripada sesi ini dan pihak PSAS dapat mengetahui

keseluruhan proses pelaksanaan perolehan artikel menggunakan kaedah PPV. Selain daripada itu, perkongsian mengenai Open Science & Research Data Management di USM pula telah diberikan oleh Ketua Bahagian Sokongan Penyelidikan, Encik Mohd Kamal Mohd Napiiah. Di akhir sesi, delegasi UPM turut dibawa melawat kawasan sekitar Perpustakaan Hamzah Sendut, USM.

Diharap melalui lawatan penandaarasan ini dapat membantu pihak PSAS dalam melaksanakan proses perolehan artikel menggunakan kaedah PPV dan pengurusan *Open Science & Research Data Management* serta seterusnya mengeratkan lagi hubungan baik di antara pihak UPM, UKM dan USM di masa hadapan.

Oleh: Nur Azleen binti Hasan (Pustakawan Kanan, Pejabat Ketua Pustakawan) dan Aznizultina binti Md Nazar (Pustakawan Kanan, Bahagian Terbitan Bersiri)



Sesi lawatan dan perkongsian maklumat di Perpustakaan Tun Seri Lanang (PTSL), UKM



## Lawatan Panel Penilaian Akreditasi Penuh Program Ijazah Doktor Perubatan (MQA/FA 4976)

Serdang, 16 Februari 2022 - Perpustakaan Perubatan dan Sains Kesihatan (PPSK) telah menerima Lawatan Penilaian Akreditasi Penuh Program Ijazah Doktor Perubatan (FA4976) oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Majlis Perubatan Malaysia (MMC).

Lawatan ini diketuai oleh Prof. Dato' Dr. Muhammad Shamsir Mohd Aris (Universiti Sains Islam Malaysia), PM Dr. Fadzilah Mohd Nor (Universiti Teknologi Mara), Encik Mohd Hafifi Mohd Mazlan (Urusetia-Agensi Kelayakan Malaysia) dan turut diiringi oleh beberapa orang pegawai dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, UPM.

Tujuan lawatan Panel Penilaian ke PPSK, adalah bagi melihat perkhidmatan dan kemudahan serta koleksi buku yang disediakan untuk pelajar, terutamanya bagi pelajar Program Doktor Perubatan. Penerangan dan lawatan sekitar perpustakaan berlangsung selama 30 minit dan di akhir lawatan pasukan panel penilaian akreditasi berpuas hati dengan kesemua perkhidmatan dan kemudahan serta koleksi buku yang disediakan bagi memenuhi keperluan pelajar Program Doktor Perubatan di UPM.

Oleh: Zuhaini Abdul Samad  
(Pustakawan Kanan, Perpustakaan Perubatan dan Sains Kesihatan)



Sekitar sesi lawatan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Majlis Perubatan Malaysia (MMC) di Perpustakaan Perubatan dan Sains Kesihatan

## LAWATAN PUSAT SAINS NEGARA KE PSAS



Penyampaian cenderahati kepada pelawat

Gambar berkumpul para peserta lawatan



Sekitar sesi lawatan di Perpustakaan Sultan Abdul Samad



Sesi taklimat di Anjung Ilmu, PSAS


Serdang, 15 April 2022 - Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) telah menerima 10 orang pelawat dari Pusat Sains Negara (PSN) bagi lawatan penandaarasan pembangunan fasiliti dan pengisian pusat sumber.

Ketibaan delegasi pelawat disambut oleh Timbalan Ketua Pustakawan Kanan (Perkhidmatan), Cik Haslina Abu Seman@Talib. Taklimat ringkas mengenai perkhidmatan dan kemudahan PSAS telah disampaikan oleh Ketua Bahagian Korporat dan Latihan Staf, Cik Nazibah Kamaruddin. Manakala, Ketua Bahagian Sistem dan Teknologi Maklumat, Encik Muizzudin Kaspol pula turut berkongsi pengalaman dan amalan terbaik berkaitan sistem pengurusan bersepadu perpustakaan (KOHA).

Rombongan yang diketuai oleh Timbalan Pengarah Kanan PSN, Puan Marziana Abd. Halim telah dibawa melawat sekitar Perpustakaan dan Arkib UPM.

Semasa sesi lawatan tersebut, pelbagai perkongsian maklumat dan idea bagi pembangunan konsep serta pengisian pusat sumber di PSN telah dibincangkan dan diharap dapat membantu memantapkan lagi penyampaian Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) kepada pengunjung PSN.

Oleh: Norfaezah Khomsan (Pustakawan Kanan, Bahagian Korporat dan Latihan Staf)



OBJEKTIF PROGRAM

Modul Tutorial Asas Microsoft Word secara dalam talian:

1. Pengenalan MS Word
2. Cara menyediakan dokumen
3. Fungsi asas MS Word
4. Penggunaan font, paragraph, pages, tables, illustrations
5. Perkongsian Tambahan

Modul Tutorial Asas Microsoft PowerPoint secara dalam talian:

1. Pengenalan MS PowerPoint
2. Cara menyediakan dokumen pembentangan
3. Penyediaan jadual dan gambar
4. Cara menyediakan transaksi, masa dan mengendalikan pembentangan
5. Perkongsian Tambahan

Serdang, 16 Disember 2021 - Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS), Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menganjurkan kursus secara dalam talian yang bertajuk "Tutorial Asas Microsoft Word dan PowerPoint" kepada pelajar sekolah menengah pada 15 dan 16 Disember 2021 yang lalu.

Kursus kemahiran teknologi maklumat ini merupakan aktiviti pemindahan ilmu melalui perkongsian kepakaran pegawai PSAS kepada masyarakat di luar UPM. Aktiviti ini selari dengan moto UPM, "Berilmu, Berbakti" yang tidak memisahkan hubungannya dengan masyarakat luar.

Webinar yang berlangsung selama dua hari ini telah dikendalikan oleh

Pustakawan dari Bahagian Sistem dan Teknologi Maklumat (BSTM) PSAS. Seramai sembilan orang peserta dalam kalangan pelajar berusia daripada 13 hingga 16 tahun telah menyertai sesi pada kali ini.

Diharapkan kursus ini dapat membantu mempersiapkan diri pelajar dengan penggunaan perisian asas Microsoft Office dan membantu mereka dalam menyiapkan tugas sekolah. Selain itu, kursus ini memberi pendedahan langsung kepada mereka untuk berinteraksi dengan pegawai UPM meningkatkan motivasi pelajar.

Oleh: Mohd Dasuki Sahak (Pustakawan Kanan, Bahagian Korporat dan Latihan Staf)

## Perpustakaan UPM anjurkan "Bengkel Pembangunan Sistem Terbuka KOHA 2022"

Serdang, 26 Mei - Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS), Universiti Putra Malaysia (UPM) telah berjaya menganjurkan Bengkel Sistem Perpustakaan Bersepadu KOHA pada 24 dan 25 Mei 2022 yang lalu. Bengkel yang dikendalikan oleh pustakawan PSAS ini telah menarik minat seramai 18 orang peserta daripada pelbagai agensi kerajaan dari seluruh negara.

Bengkel ini diadakan bagi memenuhi keperluan semasa pihak-pihak yang berkepentingan dalam perpustakaan dan pusat sumber untuk mengetahui dengan lebih jelas lagi mengenai Sistem Perpustakaan Terbuka KOHA. Selain itu, mereka juga berpeluang berinteraksi secara langsung dan berbincang dengan pustakawan UPM yang berpengalaman dalam melaksanakan Sistem KOHA.

Oleh: Muhammad Izhar Ruslan (Pustakawan, Bahagian Korporat dan Latihan Staf), Nazibah Kamaruddin (Ketua, Bahagian Korporat dan Latihan Staf) dan Mohd Dasuki Sahak (Pustakawan Kanan, Bahagian Korporat dan Latihan Staf)



"BENKEL PEMBANGUNAN SISTEM PERPUSTAKAAN TERBUKA KOHA 2022"  
24<sup>th</sup> & 25<sup>th</sup> MEI 2022  
PERPUSTAKAAN SULTAN ABDUL SAMAD  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA



UPM, 1 Jun - Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS), Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menganjurkan *Webinar on Writing Your Thesis and Manage Your Articles Efficiently* yang diadakan pada 30 Mei 2022 menerusi aplikasi ZOOM. Seramai 17 orang peserta yang terdiri daripada pelajar siswazah, pensyarah, penyelidik dari dalam dan luar UPM telah menyertai webinar ini.

Dr Othman Talib, Pensyarah Kanan dari Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM dijemput sebagai penceramah untuk mengendalikan webinar ini. Semasa bengkel tersebut, para peserta telah diberi panduan dan kaedah tentang penggunaan perisian Microsoft Words dan Mendeley yang berkesan untuk penulisan tesis terutama semasa proses menyediakan kajian literatur.

Oleh : Muhammad Izhar Ruslan (Pustakawan, Bahagian Korporat dan Latihan Staf), Nazibah Kamaruddin (Ketua, Bahagian Korporat dan Latihan Staf) dan Mohd Dasuki Sahak (Pustakawan Kanan, Bahagian Korporat dan Latihan Staf)

# Program Jom Baca Bersama 10 Minit 2022 Peringkat UPM



Aktiviti Membaca Di Bilik Bacaan Ringan Blok A PSAS



Aktiviti Membaca di Perpustakaan Kampus Bintulu Sarawak

## JOM baca bersama



**21 APRIL 2022 | 11.00 - 11.10 pagi**

#WithKnowledgeWeLead . #UNSDG . #UPM50tahun . #Read@Uni  
#MalaysiaMembaca . #UPMmembaca

Serdang, 21 April - Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) memainkan peranan penting dalam menggerakkan usaha-usaha penggiatan budaya membaca dalam kalangan warga UPM. Sehubungan itu, PSAS telah melaksanakan program tahunannya sebagai salah satu usaha menggalakkan budaya membaca dalam kalangan warga UPM bagi tujuan melahirkan masyarakat Universiti yang berilmu pengetahuan.

Program Jom Baca Bersama 10 Minit merupakan suatu inisiatif Kempen Membaca oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk meningkatkan peratusan tabiat membaca dalam kalangan warga universiti di seluruh Malaysia menjelang tahun 2020 dan seterusnya menjadikan Malaysia sebagai negara berbudaya membaca pada tahun 2030.

Bagi tahun 2022, program "Jom Baca Bersama 10 Minit" telah diadakan serentak di seluruh negara pada 21 April 2022 pada jam 11.00 -11.10 pagi. Program ini diadakan selaras dengan Garis Panduan Pelan Tindakan Bersepadu Program Penggiatan Budaya Membaca Institusi Pendidikan Tinggi Malaysia.

Di antara objektif program adalah seperti berikut:

- Meningkatkan kesedaran tentang kepentingan membaca dalam kalangan warga UPM
- Memupuk minat membaca dalam kalangan warga UPM
- Meningkatkan tahap pembacaan warga UPM
- Menilai keberkesanan program penggiatan budaya membaca

Seramai 216 orang peserta terlibat secara langsung dalam program ini termasuk perpustakaan cawangan di Perpustakaan Perubatan dan Sains Kesihatan, Perpustakaan Kejuruteraan dan Senibina, Perpustakaan Perubatan Veterinar dan Perpustakaan Kampus Bintulu Sarawak. Gambar-gambar peserta program turut dikongsikan di platform media sosial seperti Facebook / Instagram / Twitter dan Tik Tok dengan tanda pagar (#) #UPMmembaca, #MalaysiaMembaca, #UPM50tahun.

Kata pepatah menyebut, "Pembaca hari ini adalah pemimpin hari esok" adalah tepat untuk menggambarkan tabiat membaca bahan bacaan yang berkualiti dan ilmiah. Semoga Program Jom Baca Bersama 10 Minit ini dapat dijadikan amalan serta memupuk budaya membaca dan berilmu pengetahuan dalam kalangan rakyat Malaysia, khususnya untuk warga Universiti.

Oleh: Fatimah Zahrah @ Aishah Amran (Ketua, Bahagian Pengurusan Sumber Digital)



## *Pameran Karya Kreatif (Sajak) UPM dalam Menyokong Dekad Bahasa Kebangsaan*

Serdang, 3 Januari 2022 - Bahagian Media, Arkib dan Pemuliharaan (BMAP), Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS), UPM telah menganjurkan Pameran Karya Kreatif Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam Kategori Sajak yang telah berlangsung dari 3 hingga 31 Januari 2022 di Blok A, Aras 1 PSAS.

Pameran diadakan bagi menyokong Dekad Bahasa Kebangsaan (2020-2030) dan merupakan salah satu alternatif pihak Perpustakaan dalam mengetengahkan karya-karya kreatif warga UPM. Pameran ini memaparkan 32 karya kreatif dalam genre sajak yang dihasilkan oleh kakitangan,

mahasiswa dan alumni UPM. Koleksi buku PSAS berkaitan sajak turut dipamerkan dan boleh dipinjam terus oleh pengguna yang berminat.

Pameran telah disediakan oleh pelajar latihan industri PSAS dari Bachelor Kesusasteraan Melayu daripada Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), UPM iaitu Nurraihan binti Abdul Azit sebagai salah satu tugas latihan industri.

Program Binaan Sajak (Teknik Permata) telah turut dianjurkan pada 21 Januari 2022 bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengetahuan dalam menghasilkan puisi

Melayu moden (sajak). Program berlangsung selama satu jam dan disampaikan oleh Cik Nurraihan binti Abdul Azit.

Sesungguhnya, UPM telah melahirkan penulis-penulis sajak yang hebat dan berilmu sehingga mereka dikenali di peringkat universiti, negara dan antarabangsa. Semoga pameran serta Program Binaan Sajak (Teknik Permata) ini dapat memberi maklumat karya kreatif UPM (sajak) dan meningkatkan pengetahuan membina sajak.

Oleh: Salmah Abdullah (Ketua, Bahagian Media, Arkib dan Pemuliharaan)

Serdang, 14 April 2022 - Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) telah menyediakan pameran secara dalam talian bertajuk Pameran Cakna Keselamatan Siber. Pameran ini bertujuan untuk menyampaikan informasi berkaitan keselamatan siber dan langkah yang boleh diamalkan oleh warga UPM dalam memastikan kesejahteraan pengguna Internet.

Pameran boleh diakses melalui:



[https://lib.upm.edu.my/upload/dokumen/20220413160353poster\\_pameran\\_cakna\\_keselamatan\\_siber\\_2022\\_\(2\).pdf](https://lib.upm.edu.my/upload/dokumen/20220413160353poster_pameran_cakna_keselamatan_siber_2022_(2).pdf)

atau



<https://lib.upm.edu.my/pameran-3710>

Oleh: Norfaezah Khomsan  
(Pustakawan Kanan, Bahagian Korporat dan Latihan Staf)

**Pameran CAKNA KESELAMATAN SIBER**

PERPUSTAKAAN SULTAN ABDUL SAMAD UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

Sumber:  
NACSA | MyGovernment

@upmilb | @upm.library | @upmlibrary

AGRICULTURE · INNOVATION · LIFE

BERILMU BERBAKTI  
WITH KNOWLEDGE WE SERVE  
[www.lib.upm.edu.my](http://www.lib.upm.edu.my) | [www.upm.edu.my](http://www.upm.edu.my)

# RESEARCH DATA MANAGEMENT

By: Nur Haziqah Binti Abdul Hamid and Nur Alifah Ilyana Binti Mohd Zakri  
(Industrial Trainee, Universiti Teknologi Mara Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau)

## DEFINITION

- Research data management is a term that describes the organization, storage, preservation, and sharing of data collected and used in a research project. It involves the everyday management of research data during the lifetime of a research project for example, using consistent file naming conventions. It also involves decisions about how data will be preserved and shared after the project is completed for example, depositing the data in a repository for long-term archiving and access.
- RDM is a standard part of good research practice offering a lot of benefits to the society, research funders and the research community. Jones et al. (2013) gave the Digital Curation Centre definition of RDM as “the active management and appraisal of data over the lifecycle of scholarly and scientific interest”. It can help researchers by potentially increasing efficiency, saving time and resources and boosting the impact and visibility of their work through openness and transparency.
- A study by Smith (2014) observed that the challenge of how to effectively manage research data affects all scientists and researchers within and across multiple domains. The study observed further that most researchers struggle unsuccessfully with storage and management of their burgeoning volume of documents and data sets that they need and that result from their work. The consequence of this is that rising accumulation of useful findings may be lost or unavailable when conducting future research. There is, therefore, the need to incorporate a good data management practice throughout the research workflow.

## TYPES

Research data can take many forms. It might be:


- Documents, spreadsheets
- Laboratory notebooks, field notebooks, diaries
- Questionnaires, transcripts, codebooks
- Audiotapes, videotapes
- Photographs, films
- Test responses
- Slides, artefacts, specimens, samples
- Collections of digital outputs
- Data files
- Database contents (video, audio, text, images)
- Models, algorithms, scripts
- Contents of an application input, output, log files for analysis
- software, simulation software, schemas
- Methodologies and workflows
- Standard operating procedures and protocol

## References:

1. [https://library.leeds.ac.uk/info/14062/research\\_data\\_management/61/research\\_data\\_management\\_explained](https://library.leeds.ac.uk/info/14062/research_data_management/61/research_data_management_explained)
2. [https://library.leeds.ac.uk/info/14062/research\\_data\\_management/61/research\\_data\\_management\\_explained](https://library.leeds.ac.uk/info/14062/research_data_management/61/research_data_management_explained)
3. Abduldayan, F.J., Abifarin, F.P., Oyedum, G.U. and Alhassan, J.A. (2021), “Research data management practices of chemistry researchers in federal universities of technology in Nigeria”, *Digital Library Perspectives*, Vol. 37 No. 4, pp. 328-348. <https://doi-org.ezaccess.library.uitm.edu.my/10.1108/DLP-06-2020-0051>
4. Palsdottir, A. (2021), “Data literacy and management of research data – a prerequisite for the sharing of research data”, *Aslib Journal of Information Management*, Vol. 73 No. 2, pp. 322-341. <https://doi-org.ezaccess.library.uitm.edu.my/10.1108/AJIM-04-2020-0110>
5. [https://pitt.libguides.com/managedata#:~:text=Research%20data%20management%20\(or%20RDM,using%20consistent%20file%20naming%20conventions\)](https://pitt.libguides.com/managedata#:~:text=Research%20data%20management%20(or%20RDM,using%20consistent%20file%20naming%20conventions))
6. Guides: Research Data Management (A How-to Guide): Research Data Management Definition. (2019). Retrieved May 23, 2022, from Depaul.edu website: <https://libguides.depaul.edu/c.php?g=620925&p=4324498>

## RESEARCH DATA MANAGEMENT LIFECYCLE

This pictorial representation of Research Data Management indicates the best practice when it comes to managing research data. It begins at the top with Data Creation and moves clockwise through the process. After data is created, it is then processed and analyzed. Data should then be preserved into archival formats and made accessible to the public. This will enable reuse by other researchers who will then create their own data and the cycle will begin again. Though this cycle assumes that each stage will take place in its entirety before moving onto the next stage, practice dictates that there may be several iterations of creation, processing, and analysis before it is ready to be preserved.



## WHY

Managing research data brings many benefits, not only to the project but to future researchers and wider society. The reason why research data management is used is because:

- Increases transparency
- Makes your data accessible
- Saves you time when writing up
- Reduces the risk of data loss
- Facilitates future reuse and sharing
- Improves citations.



Tatkala saya bantu memikirkan bagaimana untuk mendapatkan salinan tesis-tesis terdahulu yang tiada dalam koleksi digital PSAS, pegawai-pegawai PSAS sentiasa bersedia membantu sekaligus menjadi pemudahcara kepada terlerainya permasalahan saya.

Kemudahan surau yang disediakan juga sedikit sebanyak membuatkan saya selesa berada di PSAS. Ini kerana, saya tidak perlu terburu-buru keluar mencari surau atau masjid bagi menyempurnakan tanggungjawab saya sebagai seorang muslim untuk menunaikan solat.

Pucuk pangkalnya, di mana ada kemahuan, di situ ada jalan. Bukan semua benda datang secara tiba-tiba, tapi kadangkala ia perlu dipaksa. Kelak, dari paksaan ia akan menjadi biasa. Dari yang biasa, ia boleh menjadi luar biasa.

Akhirnya, saya merakamkan jutaan terima kasih kepada semua kakitangan PSAS atas segala bantuan & tunjuk ajar yang diberikan kepada saya selama ini. Jika dilihat berjaya, kalian adalah antara penyumbanganya. Buat semua pejuang-pejuang ilmu, jemput datang dengan niat yang jitu untuk meraih ilmu di PSAS ini. InshaaAllah, kalian tidak pulang dengan sia-sia.

Salam kejayaan untuk semua.  
Terima kasih PSAS & Terima kasih semua.

Oleh: Dr. Nor Sa'adah binti Jamaluddin  
(Siswazah Pingat Emas BasNet Doktor Falsafah, UPM)

“... هذا من فضل ربي... “

Sungguh! Tiada Daya & Upaya melainkan dengan Izin Allah SWT...

- Guru Sekolah Swasta Sepenuh Masa (8.00 a.m. – 5.00 p.m.) + Pelajar PhD Sepenuh Masa = Submit tesis 2 Tahun 9 Bulan
- Target 'Graduate on Time', Allah SWT rezekikan "Graduate Before Time" + Anugerah Emas Ijazah Doktor Falsafah.

Untuk berjaya dan mencapai sesuatu yang kita impikan, ia tidak semudah yang kita sangka. Namun, ia juga tidaklah sesukar yang kita duga. Asalkan kita tahu di mana kekuatan dan kekurangan kita. Agar yang kuat itu, dapat menyokong ke arah tercapainya impian, dan yang kurang itu, akan ditambah baik bagi memastikan ia tidak menggugat impian untuk berjaya.

Tempoh 2 Tahun 9 Bulan yang saya lalui, bukanlah sesuatu yang sia-sia, malah pelbagai memori tercipta melalui kemudahan yang ada. Perpustakaan Sultan Abdul Samad

menjadi antara saksi dan penyumbang kepada tercapainya impian saya.

Disaat buntu, tiada idea dan semangat untuk meneruskan penulisan tesis, saya menggagahkan diri untuk berada di PSAS ini. Kerana, saya percaya perpustakaan adalah salah satu medan ilmu yang mempunyai berkat yang tersendiri asbab dipenuhi oleh insan-insan yang dahagakan ilmu.

Minat dan tarikan saya untuk selalu berada di PSAS ini bermula dengan PAKSA. Langkah awal untuk memaksa diri, akhirnya menjadi minat dan seterusnya menjadi asbab sempurnanya penulisan tesis saya.

Seawal jam 9.00 a.m. saya tiba di sini, dan kadangkala pulang sehingga perpustakaan tamat operasi pada sebelah malamnya. Keadaan persekitaran perpustakaan yang tersusun & kemas menjadi antara daya tarikan untuk saya selalu berada di sini bagi mencari idea yang berkualiti, di samping buku-buku rujukan yang disediakan juga memenuhi keperluan kajian saya.

# Ways For Library To Utilize TikTok

Many libraries around the world are using TikTok, a fast-growing social media app, to promote their services. TikTok is a popular social media app that allows users to record, watch, and share short videos using their smartphones. The app is known for its high levels of engagement, thanks to its personalized feeds of short videos including music and sound effects. Content creators can use filters, background music, and stickers to enhance their videos, as well as collaborate on content and create split-screen duet videos from different locations. There are many ways that libraries can utilize TikTok.

## 1 Marketing Books

Use TikTok to record some simple & short book reviews. Allow the library to create engaging videos to promote new books to students.



## 2 Collection Development

It is one of the sources for librarians to learn about new and upcoming book releases, see what people are saying about them, and get plenty of ideas for books to add to library collections. This helps to improve library collection's diversity, representation, and inclusivity.



## 3 Advocacy

Combat outdated, harmful stereotypes and misunderstandings. Provide users with information that is truth, fact, accurate and most importantly useful to them.



## 4 Community Building

Establish the library's physical space as a safe, vibrant, welcoming, engaging, and relatable place even if the users are not physically attended.



## 5 Instructional tutorials

Create short tutorials or instructional videos on any educational topic. Librarians can create tutorial videos to provide students a basic overview on how to use the library services effectively and efficiently. Indirectly, libraries can promote the library services.



## 6 Announcement

TikTok is a content creation tool that can be used to announce things to the communities. Video content is an incredibly successful medium for conveying information, especially to the younger generation which are far more likely to watch a short video than to read a text-based announcement.



Reference: <https://dontyoushushme.com/2021/10/25/tiktok-8-ways-libraries-are-using-it/>

# Untuk Seketika

Aku melabuhkan punggung di atas kerusi yang sifatnya mula uzur tetapi ianya tetap setia di situ. Tidak ada sebarang baik pulih atau ditukar baru. Pemandangan hari ini sungguh cantik. Tidak terlalu panas dan tidak terlalu mendung. Redup yang sedang-sedang. Sesekali tubuhku ditiup angin. Nyaman dan segar kuasa dari Tuhan.

Di tanganku ada sebuah buku nota berwarna merah. Manakala dikocek baju pula ada tersemat sebatang pen yang senantiasa menjadi penemanku ke mana sahaja. Aku seorang yang suka menulis. Menulis tentang kehidupan. Menulis membuatkan aku menjadi bebas untuk meluahkan sesuatu. Bukan aku tidak suka berucap, tetapi aku lebih gemar menulis. Bebas!

Di hadapan tempat duduk aku ialah sebatang sungai besar. Di seberang sana terdapat perkataan besar berwarna putih yang tertulis 'KUANTAN'. Ini tempat awam. Tempat di mana pasangan bermadu kasih. Tempat di mana kanak-kanak bermain. Tempat di mana mat-mat motor berkumpul dan pulang seusai dinihari. Aku suka tempat ini, walaupun tidak begitu tenang kerana sering menjadi tumpuan manusia tetapi tempat ini banyak memberikan inspirasi kepada aku untuk menulis.

Aku memulakan penulisan hari ini dengan tajuknya 'LAYU'.

Aku rasa tajuk ini sangat berat, menjentik dan kontroversi. Tetapi ini luah isi hatiku yang memandang masyarakat kini.

"Assalamualaikum"

Aku disapa oleh seorang lelaki tua yang entah mana dari mana datangnya. Roman wajahnya tenang dan bersih. Baunya harum menjentik

hidung. Pakaiannya bukan calang-calang kerana dia mengenakan songkok hitam yang berkuping dan mulai lusuh. Selendang berwarna putih di bahunya kelihatan bersih. Aku pernah lihat. Tetapi fikiran aku pada masa itu tidak dapat tangkap bila waktu dan bagaimana aku bertemu dengannya.

"Kehidupan itu seperti tenunan yang bersambung menjadi kata" Ujarnya tanpa memandang ke arah wajah ku.

Aku menjadi sedikit bingung dan hairan kerana secara tiba-tiba saja dia datang padaku dan berucap seperti seorang sastrawan yang terulung. Dia bukan A. Samad Said kerana aku cukup kenal dengan A. Samad Said. Dahiku mula berkerut.

"Usah kerutkan dahi mu anak muda. Jernihkan hatimu, buka minda dan akalmu. Dengarkan apa yang ingin aku sampaikan"

Aku mengangguk sahaja tanpa sebarang kata.

"Apa yang kau cari dalam hidupmu anak muda. Kekayaan, kesenangan, kebahagiaan atau perempuan?"

Aku masih keliru apa panggilan yang sepatutnya aku panggil terhadap lelaki tua itu. Akhirnya aku memilih untuk memanggilnya tuan.

"Saya mencari kebahagiaan dunia dan akhirat tuan."

"Terus, mengapa kamu masih di sini?" Soalnya lagi.

"Saya seorang penulis. Saya menulis tentang kehidupan, tentang masyarakat. Saya

berpuisi. Berpuisi untuk menegur masyarakat. Bangsa kita tuan, saya nampak sudah semakin layu".

"Teruskan lagi" Ujarnya perlahan.

Dadaku berombak naik. Tubuhku sedikit menggeletar seusai aku berucap soal bangsa. Aku bukan Tun Mahathir atau Pendeta Za'ba yang handal berbicara soal bangsa. Aku cuma seorang penganggur yang masih menunggu panggilan kerja yang masih tidak muncul-muncul. Masa lapangku diisi dengan menulis. Tetapi aku tetap punya hak untuk bersuara.

"Apa yang saya lihat, bangsa kita sekarang ini seperti dijajah."

"Ya, kita memang dijajah. Aku lalunya" Balasnya dalam senyum nipis.

"Benar, tapi pada tahun 1957 kita sudah merdeka. Tetapi lihatlah bangsa kita, masih dijajah. Kita tidak mampu untuk melawan semua godaan barat. Kita bangsa yang lemah dan sering ditindas".

Lelaki tua itu kemudiannya datang menghampiri aku lalu duduk di sebelah. Mungkin dia tidak larat untuk berdiri lama untuk mendengar bebelan aku tentang bangsa. Memang benar aku bukan siapa-siapa cuma rakyat biasa dan suaraku ini mungkin tidak akan didengari oleh siapa-siapa pun.

"Bukan dilarang membuat cita-cita yang baru, tetapi berfikirilah dengan wajar yang akan datang itu disyukuri, yang telah ada itu lebih disyukuri lagi".

"Hmm. Saya sayangkan bangsa, saya ingin melihat bangsa saya ni maju dan berfikiran ke hadapan bukan masih di takuk lama.





Zaman tok nenek dulu”

“Siapa bilang orang dahulu tidak berfikiran maju?”

“Errr...” Aku tiada jawapan.

Lelaki tua yang tadinya duduk di sebelahku lalu menyilangkan kakinya sambil membetulkan selendangnya yang mulai menyenet. Janggutnya diusap-usap.

“Aku melihat terdapat beberapa fenomena yang tidak masuk akal yang berlaku di Malaysia. Adakah itu yang kamu bimbangkan?”

“Benar tuan. Saya melihat bangsa kita semakin taksud dengan kebendaan. Ingin menjadi terkenal dengan cara yang mudah, malah ada yang sanggup membodohkan diri untuk meraih *like* di media sosial. Saya sedih. Fitnah berleluasa masa kini. Maklumat yang sahih tidak disampaikan dengan benar. Kenapa bangsa kita begini tuan?”

“Iqra!”

Aku sedikit melopong mendengar jawapan dari lelaki tua tersebut. Setahu aku ‘iqra’ itu ialah baca. Ada apa dengan membaca dan mampu mengubah semuanya.

“Bangsa kita tidak suka membaca. Mereka gemar terus membaca bahan-bahan yang tidak ilmiah dan berfaedah. Mereka lebih sukakan santai berbanding pengetahuan yang boleh menjana pemikiran yang baru. Nah, sebab itu bangsa kita serupa itu”. Sambung lelaki tua itu lagi.

Aku hanya mengangguk faham.

“Bangsa kita berada di kelas kedua dan ketiga dalam cara berfikir jika dibandingkan dengan

negara barat dan Jepun. Membabi buta bila bercakap dan tidak mengesahkan maklumat itu samada sahih ataupun palsu. Teknologi sekarang menguasai dunia. Kalau dahulu kami tidak punya masalah dengan semua ini. Kami bisa mengesan maklumat itu benar atau palsu kerna maklumat itu tidak meluas dan tiada medium yang hebat seperti sekarang dalam menyampaikan maklumat tersebut”.

“Bagaimana nak atasi masalah ni tuan. Saya dah buntu”

“Kusut di ujung tali, tiliklah ke pangkal tali. Lihat pangkal penyebab masalah sebelum membuat keputusan guna menyelesaikannya. Mengapa kamu menulis wahai anak muda?”

“Errr...Untuk orang bacalah tuan” ujar saya dalam keliru.

“Nah. Sudah kembali kepada jawapan asal yang aku berikan tadi bukan. Iqra.”

Aku hanya terdiam. Lelaki tua tersebut kemudiannya memandang wajahku dengan penuh rasa berharap. Aku terasa seolah-olah diberi satu tanggungjawab yang amat berat; mengubah pemikiran bangsa.

“Bacalah dengan nama Tuhan mu. Dengan membaca segalanya akan berubah. Berubah diri dan cara kamu berfikir. Iman tanpa ilmu umpama lentera di tangan bayi. Namun ilmu tanpa iman bagaikan lentera di tangan pencuri”

“Penulisan saya bersifat keras dan sinis. Saya seorang yang *straight to the point* tuan. Apa yang saya lihat bangsa kita ni perlu diberi teguran keras dan sinis, baru mereka sedar” Jawab aku dalam nada tegas.

“Kata-kata yang lemah dan beradab dapat melembutkan hati manusia yang keras.

Terus mengapa mesti kita berkeras dalam menyampaikan sesuatu?”

“Tapi dah banyak teguran lembut dibuat tuan semuanya tak berhasil. Saya buntu”.

“Penah kamu fikirkan Al-quran dan hadis telah yang wujud 1400 tahun dahulu juga masih ada yang belum khatam membacanya. Al-Quran menceritakan segala-galanya. Setiap teguran Tuhan telah nyatakan. Terus mengapa masih lagi berlaku kemungkaran?”

“Sebab penyakit hati tuan. Hati yang hitam dan tak bersih”.

“Istiqomah anak muda. Setiap kesabaran itu akan membuahkan hasil. Itu janji Tuhan”.

Lelaki tua tersebut membetulkan cermin matanya seraya bangun dari tempat duduk. Dia sepertinya mahu beredar dari situ. Walaupun aku baru sahaja berjumpa dengannya, aku seperti selesa berbual dengannya. Kata-kata yang diucapkan itu semua aku terima dengan hati yang terbuka. Lembut dan tidak memaksa.

“Ingat anak muda, jangan takut jatuh, karena yang tidak pernah memanjatlah yang tidak pernah jatuh. Jangan takut gagal, karena yang tidak pernah gagal hanyalah orang-orang yang tidak pernah melangkah. Jangan takut salah, karena dengan kesalahan yang pertama kita dapat menambah pengetahuan untuk mencari jalan yang benar pada langkah yang kedua”.

“Siapa sebenarnya tuan ni, nama tuan apa?” Aku menanyakan soalan terakhir sebelum kami berpisah.


“Panggil saja aku Buya. Assalamualaikum”

Oleh: Muhammad Izhar Ruslan (Pustakawan, Bahagian Korporat dan Latihan Staf)



# MAJLIS PENYERAHAN WANG SUMBANGAN MANGSA BANJIR PSAS

27 JANUARI 2022  
LIBRARIAN CORNER, ANJUNG ILMU  
10:00 PAGI




Majlis Penyerahan Wang Sumbangan  
Mangsa Banjir PSAS

Serdang, 27 Januari 2022 - Jawatankuasa Kelab PSAS telah menganjurkan Majlis Penyerahan Wang Sumbangan Mangsa Banjir PSAS pada 27 Januari 2022 yang lalu. Sumbangan bantuan banjir kepada 16 orang staf PSAS telah disampaikan oleh Ketua Pustakawan UPM, Encik Muzaffar Shah Kassim dalam satu majlis ringkas bertempat di Librarian Corner, Anjung Ilmu. Inisiatif yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Kelab PSAS ini bermatlamat untuk membantu meringankan beban mangsa banjir di kalangan staf PSAS. Jawatankuasa Kelab PSAS mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua penyumbang ikhlas tabung sumbangan bantuan mangsa banjir ini.

Oleh: Sakinah Sariff (Pembantu Pustakawan, Pejabat Ketua Pustakawan) dan Nur Faseha Mohd Kadim (Pembantu Pustakawan, Bahagian Pengurusan Sumber Digital)





Serdang, 1 April 2022 – Setelah hampir 3 tahun dunia dalam ancaman wabak Covid 19, buat kali pertamanya Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob bersetuju membenarkan sambutan Hari Raya Aidilfitri diraikan tanpa ada Perintah Kawalan Pergerakan dan sekatan sempadan setelah mengambil kira beberapa faktor yang wajar dilakukan. Tambahan pula, Malaysia sudah berada di dalam fasa peralihan ke endemik bermula 1 April 2022. Umat Islam serata tanah air menyambut berita ini dengan penuh rasa syukur dan gembira.

Jawatankuasa Media Sosial Perpustakaan Sultan Abdul Samad juga turut menzahirkan rasa syukur dan gembira dengan mengadakan satu sesi rakaman video bersempena sambutan Hari Raya Aidilfitri bagi memeriahkan lagi suasana. Seramai 17 orang telah menjayakan aktiviti

ini dengan mengambil kira langkah-langkah keselamatan. Rakaman ini dilakukan di Rumah Warisan Melayu yang bertempat di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM.

Link: <https://www.facebook.com/watch/?v=3200379456950357>



Oleh: Muhammad Izhar Ruslan (Pustakawan, Bahagian Korporat dan Latihan Staf)

## Selamat Pengantin Baru STAF PSAS

Kuantan, 27 November 2021 – Jawatankuasa Kelab PSAS mengucapkan tahniah kepada Encik Mohammad Amiruddin Zawawi (Bahagian Perkhidmatan Pengguna), Pengerusi Kelab PSAS 2021/2023 yang telah selamat diijab kabul dengan pasangannya di Masjid Kariah Pekan Labu pada tanggal 11hb September 2021. Majlis Resepsi pihak lelaki yang telah berlangsung pada 27hb November 2021 yang turut dihadiri oleh 20 orang ahli Kelab PSAS mengikut Prosedur Operasi Standard yang ditetapkan. Seluruh warga PSAS mengucapkan selamat pengantin baru kepada pasangan mempelai.



Sungai Petani, 15 Januari 2022 - Jawatankuasa Kelab PSAS mengucapkan tahniah kepada Puan Nabilah Huda Pa'su (Bahagian Perkhidmatan Pengguna), yang juga Mantan Naib Setiausaha Kelab PSAS 2018/2020 yang telah selamat diijab kabul dengan pasangannya di Sungai Petani, Kedah pada tanggal 15hb Januari 2022. Majlis telah dimeriahkan dengan kehadiran 23 orang wakil ahli kelab PSAS. Seluruh warga PSAS mengucapkan selamat pengantin baru kepada pasangan mempelai.



Oleh: Sakinah Sariff (Pembantu Pustakawan, Pejabat Ketua Pustakawan) dan Nur Faseha Mohd Kadim (Pembantu Pustakawan, Bahagian Pengurusan Sumber Digital)



# PERTANDINGAN SUDUT BACAAN **READ@UNI** UPM 2022

## HARI KUALITI & INOVASI PERKHIDMATAN (HKIP) UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

- Pertandingan Sudut Bacaan Read@Uni UPM 2022 merupakan salah satu Anugerah yang dipertandingkan sempena Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan (HKIP) UPM 2022
- Anugerah Sudut Bacaan Read@Uni UPM dengan 5 pemenang mengikut kumpulan

TARIKH TUTUP PENYERTAAN: **15 JULAI 2022** (Jumaat) | TARIKH PENJURIAN: **12-15 SEPTEMBER 2022**

Maklumat Pertandingan adalah seperti berikut :

Setiap wakil PTJ hendaklah mengisi **BORANG PENYERTAAN**

yang boleh di akses URL berikut: <https://forms.gle/ka3sBirsdyp93xys8>

scan me



### SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

- Terbuka kepada semua PTJ UPM
- Sudut bacaan hendaklah mempunyai ciri-ciri yang dapat merangsang minat membaca
- Sudut bacaan hendaklah dibangunkan di mana-mana sudut atau ruang pejabat / kolej
- Pihak Penganjur tidak akan menanggung sebarang perbelanjaan untuk membangunkan sudut bacaan
- Peserta/PTJ dibenarkan atau bebas menggunakan perabot/peralatan/bahan baharu atau terpakai
- Peserta/PTJ dilarang mempamerkan bahan-bahan bacaan terlarang seperti bahan-bahan yang berunsur seks, keganasan dan menyentuh sensitiviti atau maruah mana-mana individu, kumpulan, agama atau organisasi/institusi
- Pusat Sumber di PTJ tidak dikategorikan sebagai sudut bacaan dalam pertandingan ini

### KRITERIA PENILAIAN

#### KREATIVITI DAN INOVASI

- Idea
- Susun atur
- Perabot dan peralatan yang digunakan
- Gambar

#### AKTIVITI

Aktiviti yang dijalankan bagi menyemai minat membaca

#### PROMOSI

Kaedah Promosi

#### IMPAK PELAKSANAAN

Penambahbaikan / Perubahan dari sebelum ini

#### RUANG

- a. Strategik
- b. Kondusif
  - Kesesuaian tempat
  - Kekemasan
  - Keselesaan

### HADIAH

**RM1,000.00**

SETIAP KUMPULAN

- Kumpulan A  
**FAKULTI / SEKOLAH**
- Kumpulan B  
**INSTITUT**
- Kumpulan C  
**PUSAT**
- Kumpulan D  
**PENTADBIRAN**
- Kumpulan E  
**PERKHIDMATAN / KOLEJ**

Sebarang pertanyaan Sila hubungi:

Cik Nazibah Kamaruddin (03-97698445, nazibah@upm.edu.my) / Puan Emelda Mohd Hamid (03-97697944, emelda@upm.edu.my)

ISSN 1675-4806



JUN 2022

9 771675 480008